

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: SOSIAL</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: S41, S44, S48, S52, S54</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>: 1 JULAI 2016</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,078.00); atau</li><li>(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</li></ol></li></ol>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</li></ol>
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau</li><li>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</li></ol></li><li>(b) had umur pelantikan:<ol style="list-style-type: none"><li>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</li><li>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau</li><li>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</li></ol></li></ol>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.</li></ol>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</li></ol>

- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S44**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S48**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S52**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S54**
- 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  - 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  - 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
  - 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
  - 11. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S44 yang kosong apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 12. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S48 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 13. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S52 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 14. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S54 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN PENGURUSAN  
TERTINGGI**

15. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Pembangunan Masyarakat yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2006).